

02

**BAHASA MELAYU
OGOS
2018
2 JAM**

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PENTAKSIRAN PERCUBAAN
TINGKATAN 3
2018**

**BAHASA MELAYU
MASA : DUA JAM**

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Buka kertas soalan ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan tingkatan anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
4. Kertas soalan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk kegunaan pemeriksa		
Nama pemeriksa:		
Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
1	8	
2	3	
3	10	
4	4	
5	10	
6	10	
7	10	
8	15	
9	30	
JUMLAH	100	

Kertas soalan ini mengandungi **18** halaman bercetak dan **2** halaman tidak bercetak.

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan Bahagian D.

BAHAGIAN A
(25 markah)

1. Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan bahasa**. Gariskan **kesalahan tersebut** dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) "Perjuangan kami masih belum berakhir selagi wisel penamat belum dibunyikan oleh pengadil," kata ketua pasukan itu kepada rakan-rakannya.

(ii) Pada akhir pembelajaran, Cikgu Zain menerangkan lain-lain faktor yang mengakibatkan kejatuhan kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511.

(iii) Dari lima ekor anak ayam, hanya seekor yang dapat hidup dengan sihat.

(iv) Kasut yang dipakai oleh baginda itu merupakan hadiah daripada Maharaja India.

(8 markah)

2. Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Para pelajar diingatkan agar membina tujuh ayat untuk mengelakkan kehilangan markah maksima iaitu 10 markah.

- (ii) Istirehat dan tidur yang mencukupi ternyata mempengaruhi kesihatan, berat badan dan kehidupan kita.

- (iii) Mekanik Pusat Servis Perodua Batu Caves itu sedang menyervis enjin sebuah kereta.

(3 markah)

3. Bina ayat berdasarkan jenis ayat yang dinyatakan seperti yang berikut.

- (i) Ayat penyata.

- (ii) Ayat tanya.

(iii) Ayat suruhan.

(iv) Ayat larangan.

(v) Ayat seruan.

(10 markah)

4. Fahami maksud peribahasa di bawah ini dengan teliti, kemudian **isi tempat kosong** dengan peribahasa yang sesuai.

Bil	Maksud peribahasa	Peribahasa yang sesuai
1.	Seseorang itu mesti berusaha dengan gigih semasa melakukan sesuatu dan segala kesukaran yang dihadapi perlu ditempuhi agar semua dapat diperoleh.	
2.	Orang besar dan mulia itu, tidak hilang martabatnya jika dia merendah diri sekalipun.	

(4 markah)

SULIT
[LIHAT SEBELAH]

BAHAGIAN B
(30 markah)

5. Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Beluntung baru sahaja melangkah turun ke tanah apabila tiba-tiba kilat memancarkan sinarnya. Ibunya menjerit melarangnya turun. Beluntung tercegat di muka pintu memandang Sungai Layong yang tidak lagi nampak tebingnya. Hujan semakin lebat. Angin yang sebentar tadi agak perlahan tiupannya kini mula menerbangkan air hujan dan menggoyangkan pohon-pohon pisang di halaman rumah. Air kelihatan di mana-mana, menenggelamkan rumput.

Beluntung memerhati sekeliling. Dia berasa risau tentang Bawod dan Tuyog yang belum kelihatan lagi. Tanpa menghiraukan jeritan ibunya, dia turun untuk mencari Bawod dan Tuyog. Matahari sudah terbenam dan air semakin naik. Ibunya menjerit lagi menyuruhnya naik. Beluntung melangkah perlahan menuju ke rumah. Dia memandang kecewa ke halaman rumah yang sudah kelihatan seperti tasik kecil. Bawod dan Tuyog tentu sudah mati lemas, fikirnya.

Pagi itu, Beluntung mendahului ayam turun ke tanah. Dia menyuluh sekeliling dengan lampu picit. Banjir sudah surut. Rumput diselaputi dengan lumpur kuning. Beluntung terlihat ada sesuatu bergerak-gerak ke arahnya. Seekor ular hitam sebesar tahi belati menjelir-jelirkan lidahnya. Dia cepat-cepat mematikan lampu serentak melompat ke sebelah kiri. Beluntung melangkah cepat meninggalkan tempat itu. Cahaya lampu picit disinarkan lagi. Cahaya itu merayapi kawasan sekitar. Bawod dan Tuyog tidak juga kelihatan.

(Dipetik daripada cerpen *Bawod Antologi Bintang Hati*,
Tingkatan 3, Aras Mega sdn.bhd)

- (i) Berdasarkan petikan cerpen tersebut, apakah perasaan Beluntung apabila mendapati Bawod dan Tuyog masih belum pulang?

(3 markah)

- (ii) Nyatakan dua latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen di atas?

(3 markah)

- (iii) Kita hendaklah memastikan haiwan peliharaan kita selamat.
Pada pendapat anda, apakah cara-cara terbaik untuk memastikan keselamatan haiwan peliharaan?

(4 markah)

6. Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bintang

1 Suatu malam aku duduk
di halaman rumah
kulihat cantiknya bintang-bintang
menghiasi langit yang terbentang
aku ingin terbang ke sana
membawa pulang bintang-bintang
tentu ibu gembira
tentu ayah bahagia
melihat rumah ini
penuh dengan cahaya.

2 Tetapi kata ibu
Itu tidak perlu
Ayah sudah ada bintang
Begini juga ibu
Rumah sudah bercahaya
Begini juga jiwa mereka
Bintang itu adalah aku
Bintang hati ayah dan ibu

Siti Zaliha M. Hashim

(Dipetik daripada antologi, *Bintang Hati*,
Tingkatan 3, aras mega (m) sdn. Bhd)

(b) (cont'd)

02 [LIHAT SEBELAH]

SULIT
[LIHAT SEBELAH]

- (i) Berdasarkan rangkap kedua sajak di atas, nyatakan perkara yang ingin disampaikan oleh penyajak.

(3 markah)

- (ii) Penyajak menyelitkan banyak unsur pengajaran menerusi sajak Bintang. Nyatakan dua pengajaran yang terdapat dalam sajak.

(3 markah)

- (iii) Pada pendapat anda, apakah yang diingini oleh ibu bapa terhadap anak-anak apabila mereka sudah tua?

(4 markah)

7. Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- (i) Justeru Impian di Jaring, karya Zaid Akhtar
- (ii) Hempasan Ombak, karya Zailiani Taslim
- (iii) Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya
- (iv) Chot, karya Azizi Haji Abdullah

Terdapat pelbagai peristiwa yang dipaparkan dalam sesebuah novel.


Huraikan tiga contoh peristiwa yang berkaitan dengan latar masyarakat.

(10 markah)

BAHAGIAN C
(15 markah)

8. Grafik di bawah menunjukkan tentang amalan mulia ketika di sekolah.


Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam grafik tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara **80 hingga 100 patah perkataan**.



BAHAGIAN D
(30 markah)

9. Gambar di bawah berkaitan dengan jasa guru. Teliti gambar-gambar tersebut, kemudian **pilih satu daripada tiga** soalan yang dikemukakan. Anda boleh memilih untuk menjawab sama ada soalan 1, soalan 2, atau soalan 3. Panjang karangan anda hendaklah *tidak kurang daripada 180 patah perkataan*.

USAHA-USAHA MENGHARGAI JASA GURU



- (i) Guru merupakan insan mulia yang wajar dihormati kerana banyak mencerahkan ilmu kepada kita.
Jelaskan cara-cara anda dapat menghargai jasa guru.
- (ii) Perayaan Hari Guru telah disambut dengan meriah di sekolah anda.
Tulis sepucuk surat kepada kawan anda untuk menceritakan suasana sambutan perayaan Hari Guru tersebut.
- (iii) Guru pencetus kecemerlangan murid-murid dalam bidang akademik dan kokurikulum.
Tulis usaha-usaha yang dilakukan oleh guru untuk meningkatkan kejayaan anak murid mereka.
